

Perolehan meningkat

KEUNTUNGAN sebelum cukai Hua Yang Bhd bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangannya yang berakhir 31 Mac 2012, meningkat kepada RM53.928 juta daripada RM22.753 juta yang dicatatkan semasa tempoh yang sama dalam tahun kewangan lepas.



Pendapatan bagi tempoh sembilan bulan juga meningkat kepada RM222.130 juta daripada RM122.149 juta sebelumnya.

Bagi suku ketiga yang berakhir pada 31 Disember, 2011, syarikat itu mencatatkan keuntungan RM19.781 juta, pertumbuhan daripada RM10.356 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya.